

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan penyata kewangan agensi negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak lapan BBN, satu MAI dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Daripada 20 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya 18 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2022. Sebanyak dua agensi lain mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan. Satu penyata kewangan PBT pula masih belum diterima.
- Setakat 31 Ogos 2022, 12 penyata kewangan agensi telah disahkan, iaitu enam penyata kewangan BBN dan enam penyata kewangan PBT. Dua penyata kewangan BBN, lima penyata kewangan PBT dan satu penyata kewangan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Pihak Audit mengesyorkan supaya agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Agensi perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2021	Bilangan Agensi Negeri		21 Akaun Agensi	
	8	Badan Berkanun Negeri	12	Telah Disahkan
	12	Pihak Berkuasa Tempatan	8	Belum Disahkan
	1	Majlis Agama Islam	1	Belum Diterima

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 21 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2021. Penyata kewangan agensi negeri pada tahun 2021 terdiri daripada lapan BBN, 12 PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan mengikut Enakmen/Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi satu MAI, satu BBN dan satu PBT manakala baki 18 penyata kewangan agensi lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2021 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2022, lapan BBN, satu MAI dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Kesemua Agensi perlu mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2022. Sebanyak 18 agensi dapat mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu terdiri daripada tujuh BBN, satu MAI dan 10 PBT. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	20.04.2022
2.	Yayasan Islam Kelantan	28.04.2022
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	28.04.2022
4.	Perbadanan Stadium Kelantan	28.04.2022
5.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	28.04.2022
6.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	10.05.2022
7.	Yayasan Kelantan Darulnaim	31.05.2022
8.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	25.07.2022
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	28.04.2022
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	08.05.2022
2.	Majlis Daerah Tanah Merah	08.05.2022
3.	Majlis Daerah Tumpat	31.05.2022
4.	Majlis Daerah Machang	01.06.2022
5.	Majlis Daerah Jeli	01.06.2022
6.	Majlis Daerah Pasir Mas	01.06.2022
7.	Majlis Daerah Ketereh	12.06.2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
8.	Majlis Daerah Dabong	13.06.2022
9.	Majlis Daerah Bachok	13.06.2022
10.	Majlis Daerah Kuala Krai	15.06.2022
11.	Majlis Daerah Gua Musang	06.07.2022
12.	Majlis Daerah Pasir Puteh	Belum diterima

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	3
2.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)	-
3.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	18
JUMLAH		21

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter (OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perenggan Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer) seperti berikut:

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2022, daripada 20 penyata kewangan agensi yang telah diterima 12 penyata kewangan agensi telah disahkan, iaitu enam penyata kewangan BBN dan enam penyata kewangan PBT. Dua penyata kewangan BBN, lima penyata kewangan PBT dan satu penyata kewangan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 masih belum disahkan oleh Jabatan Audit Negara. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI DARI TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata Kewangan)				
		2017	2018	2019	2020	2021
1.	Pendapat Tanpa Teguran	19	21	13	13	5
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	3	0	2	3	2
3.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i> dan <i>Other Matters</i>	0	0	0	2	0
4.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Key Audit Matters</i>	0	0	1	0	0
5.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Other Matters</i>	0	0	0	1	1
6.	Pendapat Berteguran	0	1	5	2	4
7.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0	0
8.	Penafian Pendapat	0	0	0	0	0
JUMLAH		22	22	21	21	12*

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017 hingga 2021

Nota: (*) Kedudukan setakat 31 Ogos 2022

5.4. Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 21 agensi negeri bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	Telah selesai diaudit dan diberikan Sijil Ketua Audit Negara.
2.	Perbadanan Stadium Kelantan	
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	
4.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	
5.	Yayasan Kelantan Darulnaim	
6.	Yayasan Islam Kelantan	
7.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	Mesyuarat Pra-Penutup telah dijalankan dan menunggu penetapan tarikh Mesyuarat Penutup.

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
8.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	Pengauditan sedang dijalankan oleh pihak Firma Audit Swasta (FAS).
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	Maklum balas telah diterima oleh Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan dan menunggu penetapan tarikh Mesyurat Pra-Penutup.
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Tanah Merah	Telah selesai diaudit dan diberikan Sijil Ketua Audit Negara.
2.	Majlis Daerah Ketereh	
3.	Majlis Daerah Machang	
4.	Majlis Daerah Pasir Mas	
5.	Majlis Daerah Tumpat	
6.	Majlis Daerah Dabong	
7.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	Mesyuarat Pra-Penutup telah dijalankan dan menunggu penetapan tarikh Mesyurat Penutup.
8.	Majlis Daerah Jeli	Pengauditan telah selesai dijalankan oleh pihak Firma Audit Swasta (FAS). Pihak FAS telah mengemukakan Surat Pengurusan kepada pihak JAN dan auditi. Pihak JAN dalam proses menyemak kertas kerja pengauditan yang telah dikemukakan oleh pihak FAS serta menunggu maklum balas terhadap Surat Pengurusan daripada auditi untuk penetapan Mesyurat Penutup.
9.	Majlis Daerah Bachok	
10.	Majlis Daerah Gua Musang	Pengauditan sedang dijalankan oleh pihak Firma Audit Swasta (FAS).
11.	Majlis Daerah Kuala Krai	Pengauditan muktamad telah selesai dijalankan oleh Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan.
12.	Majlis Daerah Pasir Puteh	Penyata kewangan masih belum diterima oleh pihak JAN. Pihak Majlis dalam proses memuktamadkan penyata kewangan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2021

5.5.1. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 12 penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 12 penyata kewangan tersebut ialah enam agensi negeri diberikan Pendapat Tanpa Teguran; dua agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM; satu agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan OM dan tiga agensi diberikan Pendapat Berteguran. Analisis terperinci terhadap Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi tahun 2021 bagi Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM, Pendapat Tanpa Teguran dengan OM dan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DENGAN PERENGKAN EOM,
OM DAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM		
1.	Majlis Daerah Machang (MDM)	MPSAS 3 – Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan, Perenggan 47 menetapkan sesebuah entiti hendaklah membetulkan kesilapan material tempoh terdahulu secara retrospektif dalam set pertama penyata kewangan yang dibenarkan untuk diterbitkan selepas penemuan kesilapan tersebut. Entiti tersebut hendaklah menyatakan semula amaun perbandingan yang dibentangkan bagi tempoh terdahulu kesilapan tersebut berlaku atau menyatakan semula baki awal aset, liabiliti dan aset bersih/ekuiti bagi tempoh terdahulu terawal yang dibentangkan jika kesilapan itu berlaku sebelum tempoh tersebut. Majlis Daerah Machang perlu membuat pelarasan tahun terdahulu mengikut kaedah dan pembentangan yang telah ditetapkan dalam MPSAS 3.
2.	Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM)	MPSAS 3 – Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan, Perenggan 47 menetapkan sesebuah entiti hendaklah membetulkan kesilapan material tempoh terdahulu secara retrospektif dalam set pertama penyata kewangan yang dibenarkan untuk diterbitkan selepas penemuan kesilapan tersebut. Entiti tersebut hendaklah menyatakan semula amaun perbandingan yang dibentangkan bagi tempoh terdahulu kesilapan tersebut berlaku atau menyatakan semula baki awal aset, liabiliti dan aset bersih/ekuiti bagi tempoh terdahulu terawal yang dibentangkan jika kesilapan itu berlaku sebelum tempoh tersebut. Majlis Daerah Pasir Mas perlu membuat pelarasan tahun terdahulu mengikut kaedah dan pembentangan yang telah ditetapkan dalam MPSAS 3.
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN OM		
1.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	Merujuk kepada Nota 7 kepada Penyata Kewangan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan yang komprehensif dalam penyenggaraan rekod inventori supaya pergerakan inventori yang dijual, tambahan inventori dan pengalihan tempat inventori sentiasa dikemas kini. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan juga perlu memberi tumpuan terhadap penyenggaraan rekod perakaunan supaya penyata kewangan yang dilaporkan adalah tepat.
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Yayasan Kelantan Darulnaim	Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu Berdasarkan Nota 8 kepada Penyata Kewangan, Yayasan Kelantan Darulnaim telah mengiktiraf pelaburan dalam sembilan syarikat bersekutu bagi tahun 2021. Bagaimanapun, Yayasan Kelantan Darulnaim tidak mengiktiraf keuntungan tahun semasa ke atas pelaburan bagi Syarikat First Nationwide Yakin Sdn. Bhd. sejumlah RM1,727,538.87. Perkara ini bertentangan dengan kehendak MPSAS 1, Perenggan 7, Pembentangan Penyata Kewangan yang menyatakan urusaniaga perlu diiktiraf dalam penyata kewangan mengikut tempoh ia berkaitan. Ini menyebabkan keuntungan pelaburan dalam syarikat bersekutu telah berkurangan nyata sejumlah RM1,727,538.87.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
2.	Perbadanan Stadium Kelantan	Hartanah Pelaburan Berdasarkan Nota 7 kepada Penyata Kewangan, Perbadanan Stadium Kelantan telah mengiktiraf kos projek menaik taraf stadium sejumlah RM1,267,867 sebagai Hartanah Pelaburan. Projek tersebut masih dalam proses naik taraf dan belum siap sepenuhnya. Perbelanjaan sebenar sehingga akhir tahun kewangan adalah sejumlah RM105,500 dengan peratus siap kerja sebanyak 30%. Bagaimanapun, Perbadanan Stadium Kelantan telah merekod kos projek menaik taraf stadium sejumlah RM1,267,867 sebagai Hartanah Pelaburan dalam penyata kewangan tahun semasa. Perbadanan Stadium Kelantan sepatutnya merekod perbelanjaan sebenar naik taraf sejumlah RM105,500 sebagai Kerja Dalam Pelaksanaan seperti kehendak MPSAS 16, Hartanah Pelaburan. Perkara ini menyebabkan nilai aset telah terlebih nyata dalam penyata kewangan sejumlah RM1,162,367.
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar – Tunggakan Cukai Pendapatan Berdasarkan Nota 7 kepada Penyata Kewangan, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan telah mengiktiraf pelbagai belanja belum bayar dan belanja terakru sebagai urus niaga pertukaran belum bayar. Bagaimanapun, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan tidak mengiktiraf tunggakan cukai pendapatan dari tahun 2014 sehingga tahun 2019 beserta dengan penalti yang dikenakan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebagai urus niaga pertukaran belum bayar. Perkara ini bertentangan dengan kehendak MPSAS 19 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka. Perkara ini menyebabkan liabiliti semasa yang dinyatakan di dalam penyata kewangan telah berkurang nyata sejumlah RM171,409.43.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi Tahun 2021

5.6. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2020

5.6.1. LKAN Tahun 2020 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kelantan Tahun 2020 yang dibentangkan di Parlimen (2 Disember 2021) dan Dewan Undangan Negeri (24 Ogos 2021) tidak melaporkan status Sijil Ketua Audit Negara bagi kesemua 21 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Hal ini kerana kesemua penyata kewangan agensi negeri tersebut masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2021.

5.6.2. Setakat 31 Ogos 2022, kesemua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 21 penyata kewangan tersebut ialah 13 agensi negeri diberikan Pendapat Tanpa Teguran; tiga agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM; satu agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan OM; dua agensi diberikan pendapat Tanpa Teguran dengan EOM dan OM manakala dua diberikan Pendapat Berteguran. Analisis terperinci terhadap Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan

Agensi tahun 2020 bagi Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM, Pendapat Tanpa Teguran dengan OM, Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM dan OM serta Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DENGAN PERENGKAN EOM,
OM, EOM DAN OM SERTA PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM		
1.	Majlis Daerah Machang (MDM)	a. MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan, Perenggan 14 menetapkan kos item Hartanah, Loji dan Peralatan hendaklah diiktiraf sebagai aset apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir masuk ke dalam entiti dan kos boleh diukur dengan munasabah. MDM perlu lebih teliti dalam mengaunkan belanja pembangunan yang sepatutnya dipermudahkan sebagai kos Hartanah, Loji dan Peralatan. b. MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan, Perenggan 66 pula menetapkan amaun susut nilai bagi aset hendaklah diperuntukkan secara sistematik sepanjang usia gunanya. MDM perlu lebih teliti dalam mengira peruntukan susut nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan yang dimilikinya berdasarkan usia gunanya selaras dengan polisi perakaunan Majlis.
2.	Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM)	MPSAS 23 – Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan) Perenggan 26 menjelaskan bahawa cukai ialah sumber utama hasil bagi kebanyakan kerajaan dan entiti sektor awam yang lain. Perenggan 7 pula menjelaskan cukai ditakrif sebagai manfaat ekonomi yang wajib dibayar atau belum bayar kepada entiti sektor awam berdasarkan undang-undang dan peraturan, yang diwujudkan untuk menyediakan hasil kepada kerajaan tidak termasuk denda atau penalti lain yang dikenakan. Berdasarkan amaun urus niaga bukan pertukaran belum terima berjumlah RM3,606,855 dalam Nota 7 kepada Penyata Kewangan pada 31 Disember 2020, MDPM perlu memastikan perekodan cukai taksiran sentiasa lengkap dan kemas kini.
3.	Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN)	MPSAS 9 – Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran, Perenggan 33 menetapkan hasil yang diperoleh daripada penggunaan oleh pihak lain terhadap aset entiti hendaklah diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada entiti dan amaun hasil boleh diukur dengan pasti. Perenggan 34 pula menjelaskan hasil hendaklah diiktiraf semasa ia diperoleh menurut intipati perjanjian yang berkaitan. Yayasan Kelantan Darulnaim perlu memastikan pendahuluan sewa tanah yang diterima direkodkan sebagai pendapatan premium pada tahun kewangan ia sepatutnya diiktiraf. Pendahuluan sewa tanah bagi tahun 2018 hingga 2020 yang diterima dalam tahun 2016 perlu dibuat pelarasan sewajarnya dalam penyata kewangan Yayasan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN OM		
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)	Merujuk Nota 14 kepada Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan terhadap kelemahan kawalan dalaman penyelenggaraan rekod penghutang perdagangan. Terdapat perbezaan antara amaun yang dilaporkan dalam penyata kewangan berbanding surat pengesahan baki penghutang perdagangan. Tindakan penambahbaikan yang komprehensif hendaklah diambil terhadap penyelenggaraan rekod penghutang supaya lengkap dan kemas kini serta selari dengan rekod kewangan bagi memastikan ketepatan penyediaan penyata kewangan. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan juga perlu memberi tumpuan terhadap kutipan tunggakan hutang terutama hutang oleh syarikat subsidiari dan sewa dengan mempertingkatkan kecekapan dalam kutipan hutang.
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM DAN OM		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	<u>Perenggan EOM</u> Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) Seksyen 28 menyatakan entiti hendaklah mengiktiraf semua kos manfaat kakitangan bagi kakitangan yang telah layak diiktiraf sebagai hasil daripada perkhidmatan yang diberikan kepada entiti semasa tempoh pelaporan. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan hendaklah membuat Peruntukan Manfaat Kakitangan dalam penyata kewangan selaras dengan kehendak MPERS Seksyen 28. <u>Perenggan OM</u> Nota 22 kepada Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan hendaklah memastikan prosedur yang cekap terhadap proses gantian Tanah Wakaf Istibdal supaya penyelesaian dapat dilaksanakan dengan segera.
2.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKBBRI)	<u>Perenggan EOM</u> Nota 11 kepada Penyata Kewangan pada 31 Disember 2020 berkenaan urusan pertukaran belum bayar berjumlah RM22,978,284 terdapat satu amaun deposit bagi pengambilan balik tanah Kompleks Rumah Layang-layang di Mukim Banggol berjumlah RM2,030,000. Deposit bagi urusan ini yang diterima oleh MPKBBRI pada 20 Jun 2010 sehingga kini tidak menunjukkan sebarang pergerakan. <u>Perenggan OM</u> Nota 7 kepada Penyata Kewangan MPKBBRI hendaklah memastikan tatacara perekodan bagi pinjaman kakitangan sentiasa lengkap dan kemas kini supaya tindakan kutipan balik pinjaman kakitangan dapat dipantau dengan berkesan.
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Majlis Daerah Bachok (MDB)	Geran Kerajaan – RM2,327,338 MPSAS 23 - Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan) Perenggan 44 - 45, menyatakan di mana geran hendaklah diiktiraf dan dikelaskan semula sebagai hasil dalam tahun apabila syarat geran telah dipenuhi. Pihak Majlis Daerah Bachok tidak mengakaunkan

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
		amaun terimaan geran pembangunan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan setelah syarat geran tersebut telah dipenuhi dalam tahun semasa. Berdasarkan amaun Geran Kerajaan dalam Nota 14 kepada Penyata Kewangan berjumlah RM2,327,338 pada 31 Disember 2020, Majlis Daerah Bachok tidak mengakaunkan sejumlah RM2,327,388 geran Kerajaan yang telah dipenuhi syarat dan direkodkan sebagai belanja pembangunan. Ini telah menyebabkan Geran Kerajaan (liabiliti) dan belanja pembangunan terlebih nyata sejumlah RM2,327,338.
2.	Majlis Daerah Kuala Krai (MDKK)	Hartanah, Loji dan Aset Infrastruktur – RM13,303,662 a. MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan, Perenggan 14 menetapkan kos item Hartanah, Loji dan Peralatan hendaklah diiktiraf sebagai aset apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir masuk ke dalam entiti dan kos boleh diukur dengan munasabah. Berdasarkan amaun Hartanah, Loji dan Peralatan dalam Nota 4 kepada Penyata Kewangan berjumlah RM13,303,662 pada 31 Disember 2020, MDKK tidak mengakaunkan sejumlah RM226,085 kos untuk pembinaan Lata Berangin sebagai aset dan telah mengiktiraf sebagai belanja pembangunan. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan berkurangan nyata sejumlah RM226,085. b. MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan, Perenggan 26 pula menetapkan sesuatu item bagi Hartanah, Loji dan Peralatan yang layak untuk diiktiraf sebagai aset hendaklah diukur pada nilai kos. Berdasarkan amaun Hartanah, Loji dan Peralatan dalam Nota 4 kepada Penyata Kewangan berjumlah RM13,303,662 pada 31 Disember 2020 adalah termasuk amaun aset infrastruktur berjumlah RM11,078,649. MDKK telah terlebih nyata kos perolehan bagi aset infrastruktur untuk jalan dan sistem saliran berjumlah RM58,569 kerana jumlah yang direkodkan adalah berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diterima dan bukannya mengikut kos perbelanjaan sebenar aset tersebut. Ini telah menyebabkan aset infrastruktur terlebih nyata sejumlah RM58,569. Susut Nilai Hartanah, Loji dan Aset Infrastruktur – RM981,662 MPSAS 17 – Hartanah, Loji dan Peralatan, Perenggan 66 menetapkan amaun susut nilai bagi aset hendaklah diperuntukkan secara sistematik sepanjang usia gunanya. Berdasarkan amaun susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan dalam Nota 4 kepada Penyata Kewangan berjumlah RM981,662 pada 31 Disember 2020, MDKK telah tersilap membuat pengiraan susut nilai bagi aset infrastruktur untuk jalan dan sistem saliran Majlis berjumlah RM90,469. Ini telah menyebabkan susut nilai Hartanah, Loji dan Aset Infrastruktur terlebih nyata sejumlah RM90,469.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi Tahun 2020

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], satu salinan penyata kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Sebanyak 19 agensi telah membentangkan penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri. Pembentangan bagi dua penyata agensi tidak perlu dibuat di Dewan Undangan Negeri, iaitu Majlis Sukan Negeri Kelantan serta Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan berdasarkan Enakmen/Akta Tubuh BBN serta Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994. Tarikh pembentangan bagi 19 penyata kewangan agensi tersebut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
1.	Yayasan Islam Kelantan	05.12.2021
2.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat	29.03.2022
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	29.03.2022
4.	Yayasan Kelantan Darulnaim	29.03.2022
5.	Perbadanan Stadium Negeri Kelantan	29.03.2022
6.	Majlis Daerah Pasir Puteh	29.03.2022
7.	Majlis Daerah Tanah Merah	29.03.2022
8.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	29.03.2022
9.	Majlis Daerah Ketereh	29.03.2022
10.	Majlis Daerah Pasir Mas	29.03.2022
11.	Majlis Daerah Bachok	29.03.2022
12.	Majlis Daerah Tumpat	29.03.2022
13.	Majlis Daerah Dabong	29.03.2022
14.	Majlis Daerah Kuala Krai	29.03.2022
15.	Majlis Daerah Gua Musang	29.03.2022
16.	Majlis Daerah Jeli	29.03.2022
17.	Majlis Daerah Machang	29.03.2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
18.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	18.07.2022
19.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	18.07.2022

Sumber: Minit Persidangan Kali Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Keempat Belas Tahun 2021, Minit Persidangan Kali Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kelantan Keempat Belas Tahun 2022, Minit Persidangan Kali Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Kelantan Keempat Belas Tahun 2022

7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2022 hanya 12 penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah disahkan, lapan penyata kewangan sedang diaudit dan satu penyata kewangan masih belum diterima.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif oleh Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

8.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh yang ditetapkan; dan

8.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.